



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 2 JUN 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5. 6.	PENYAKIT KULIT LSD SERANG LEMBU, KERBAU, LOKAL, HM -19 PENYAKIT KULIT SERANG LEMBU, KERBAU, MUKA DEPAN, SH -1 BENCANA KEPADA INDUSTRI TERNAKAN, NASIONAL, SH -2 JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR PANTAU LADANG TERNAKAN LEMBU DI SIMPANG PULAI, NASIONAL, SH -2 LEMBU THAILAND BERPENYAKIT, NASIONAL, SH -3 PEMBEKAL TEMPATAN HENTI BELI LEMBU DARI THAILAND, NASIONAL, SH -3	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
7.	PETANI MULA PENING DAKWA SAYUR TAK TERJUAL, DALAM NEGERI, UM -26	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8. 9. 10.	PEKEBUN AGIH TEMBIKAI PERCUMA, NEGARA, KOSMO -14 TINGKAT PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM INDUSTRI PERTANIAN, NASIONAL, SH -14 PENGGUNAAN TEKNOLOGI IR 4.0 DALAM INDUSTRI PERTANIAN PERLU DIPERTINGKAT, SH -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/6/2021	HARIAN METRO	LOKAL	19

# Penyakit kulit LSD serang lembu, kerbau

**Bagan Serai:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak mengesan penularan penyakit kulit kental/berbonjol atau Lumpy Skin Disease (LSD) yang menjangkiti ternakan lembu dan kerbau di sebuah ladang ternakan di negeri ini.

Pengerusi Jawatankausa Perlindungan, Pertanian dan

Industri Makanan negeri Razman Zakaria berkata LSD itu yang menjangkiti kulit pada badan ternakan, dikesan tercetus di sebuah ladang ternakan lembu di Simpang Pulai.

Justeru, pihak JPV sudah menjalankan pemantauan rapi di ladang tersebut selain ladang-ladang ternakan

yang terdapat di negeri ini supaya lembu yang sakit ini tidak dijual di pasaran.

“Penyakit LSD itu dikesan berlaku di beberapa kawasan di Asia dan baru dikesan di negara ini. Pengawalan sedang dipantau JPV dan penyakit itu masih terkawal kerana ia hanya berjangkit sesama ternakan melalui

kontak rapat haiwan itu serta tidak merebak mahupun membahayakan manusia.

“Orang ramai juga tidak perlu panik kerana mana-mana ternakan yang hendak disembelih mesti mendapat kebenaran daripada JPV dalam memastikan ia bebas daripada penyakit berjangkit,” katanya, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/6/2021	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

# PENYAKIT KULIT SERANG LEMBU, KERBAU

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) kesan penularan penyakit kulit kental (LSD) yang menjangkiti ternakan lembu dan kerbau di Perak dan Terengganu

- Walaupun penyakit ini tidak menjejaskan manusia, penyakit kulit berbonjol merupakan salah satu alasan paling ketara bagi pengharaman eksport daging di Eropah dan Amerika Syarikat.
- Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mendesak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia agar segera menghentikan pengimportan lembu dan kerbau hidup dari Thailand.
- Media Thailand melaporkan lebih 6,700 ekor lembu dan kerbau di 35 wilayah di negara itu terjejas ekoran wabak berkenaan.

MUKA 2 & 3



# Bencana kepada industri ternakan

Penternak lembu ramal penyakit kulit kental bawa impak kepada sektor penternakan di Malaysia

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

SHAH ALAM



Keadaan lembu yang dijangkiti LSD.

**Lumpy Skin Disease**

**PENGENALAN**  
Telah dikesan di Vietnam, Filipina, dan Thailand.

**KESAN KEPADA EKONOMI**  
Kerosakan kepada sektor ternakan, penurunan output daging dan susu.

**GEJALA KLINIKAL**  
Demam Yang Tinggi (>41.5°C), Letih dan Pucat Mata & Hidung, Lesi & Pembengkakan Kulit Pada Kulit, Kemerahan, Lesi.

**CARA PENULARAN**  
Melalui Daging, Hidung, Air Liur, Laluan yang Tidak Dinyatakan.

**PENGAWALAN JANGKITAN**  
Mencegah dan mengawal penyebaran penyakit dengan mengawal pergerakan ternakan dan manusia.

**TINDAKAN SEKIRANYA BERLAKU**  
Hubungi Pejabat Veterinar Bersekutuan, Ternakan yang Mengunjukkan Gejala LSD Perlu Diisolasi dan Dari Kawasan yang Sihat, Pergerakan Bekas Ternakan dari Ladang Perlu Dibaharui Serta-elwa Sehingga Situasi Penyakit Dijelaskan, Bersekitar Ladang Perlu Dipertingkatkan.

Industri penternakan ruminan negara khususnya lembu dan kerbau dijangka menghadapi masalah besar jika penularan penyakit kulit kental (LSD) mula merebak di dalam negara.

Seorang penternak lembu dari Kuala Langat, Zainal Mohd Jais berkata, penularan penyakit haiwan yang berpunca dari Thailand itu bakal memburukkan lagi keadaan kesihatan haiwan ternak di negara ini.

Beliau juga bimbang kerana penularan penyakit berkenaan tidak boleh dikawal seperti penyakit kuku dan mulut (FMD) yang mempunyai vaksin.

"Kita belum mahir mengawal penyakit ini," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sebelum ini memaklumkan pihaknya telah mengesan penularan penyakit LSD yang menjangkiti ternakan lembu dan kerbau di Perak.

Sementara itu, Zainal yang telah 10 tahun berkecimpung dalam bidang itu mengakui berasa bimbang sekiranya penyakit itu merebak dengan cepat di Malaysia kerana kebergantungan



ZAINAL

negara ini yang tinggi terhadap bekalan lembu dari Thailand.

Zainal yang juga penyelenggara untuk sebuah kumpulan persatuan penternak ruminan di Facebook berkata, ramai penternak masih belum mendapat maklumat atau arahan rasmi daripada pihak berkuasa seperti JPV mengenai penyakit LSD itu.

Tegasnya, selain menjejaskan tahap keselamatan makanan negara, situasi penularan penyakit LSD di Malaysia juga akan menyebabkan peningkatan har-

ga dan bekalan daging tempatan. "Sekarang ini, kita cuma mampu membekalkan daging tempatan sekitar 20 peratus bagi pasaran negara. Krisis Covid-19 juga secara tidak langsung menjejaskan bekalan," ujarnya. Beberapa negara dilaporkan

telah mengesan penularan penyakit LSD sejak 2019 antaranya Bangladesh (Jul 2019), India (Ogos 2019), China (Ogos 2019), Bhutan (Okt 2020), Hong Kong (Nov 2020), Nepal (Jul 2020), Sri Lanka (Jan 2021) dan terbaru di Thailand (April 2021).

## Jabatan Perkhidmatan Veterinar pantau ladang ternakan lembu di Simpang Pulai

**BAGAN SERAI** - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengesan penularan penyakit kulit kental (LSD) yang menjangkiti ternakan lembu dan kerbau di Perak.

Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria

berkata, sehingga kini satu lokasi dikenal pasti di Simpang Pulai melibatkan sebuah ladang ternakan lembu yang dijangkiti penyakit tersebut.

Menurutnya, pihak JPV telah menjalankan pemantauan rapi di kawasan tersebut, selain turut memantau semua

ladang ternakan yang terdapat di Perak. "Ladang itu kini di bawah kawalan JPV, sudah pasti tiada sebarang pengeluaran daging dari kawasan itu. "Bagaimanapun di tempat lain turut diadakan pemantauan terhadap jangkitan penyakit tersebut supaya lembu-lembu yang sakit ini tidak dijual di pasaran. "Tindakan undang-undang boleh diambil kepada pengusaha yang didapati tidak bertanggungjawab menjual daging lembu ini," katanya selepas mengadakan tinjauan sekuriti makanan dan

pemantauan harga barang di Pasar Awam Bagan Serai pada Selasa. Razman berkata, orang ramai diminta tidak panik dengan situasi tersebut kerana pihak JPV mengesahkan bahawa penyakit itu tidak menjangkiti manusia. Penyakit kulit berbonjol adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus dan selain menunjukkan gejala seperti demam, penyakit ini juga akan menyebabkan kelenjar limfa yang membesar dan bintil berganda pada kulit dan membran mukus.



Razman (dua dari kiri) ketika mengadakan tinjauan sekuriti makanan dan pemantauan harga barang di Pasar Awam Bagan Serai, Perak pada Selasa.

# Lembu Thailand berpenyakit

CAP gesa hentikan aktiviti import lembu dari negara jiran

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

GEORGETOWN

**P**ersatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Malaysia supaya menghentikan segera import lembu hidup dari Thailand ke negara ini.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, pihaknya membuat gesaan itu selepas mendapat laporan mengenai terdapat wabak penyakit kulit berbonjol (*lumpy skin disease*) pada haiwan itu yang diternak dalam kandang.

Menurutnya, walaupun penyakit tersebut tidak menjejaskan manusia, penyakit kulit berbonjol merupakan salah satu alasan yang paling ketara bagi pengharaman eksport daging di Eropah dan Amerika Syarikat (AS).

"Memandangkan rakyat Malaysia akan menyambut Hari Raya Aidiadha pada Julai ini, haiwan hidup seperti lembu dan kerbau akan diimport ke negara

ini untuk sambutan perayaan tersebut. "Sehubungan itu, CAP menggesa JPV Malaysia supaya menghentikan import lembu dan kerbau hidup dari Thailand dan segera," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Pihaknya juga meminta JPV Malaysia menjalankan siasatan untuk memastikan penyakit itu tidak menjejaskan lembu dan kerbau tempatan.

"Kita bimbang, jika lembu dan kerbau dari Thailand diimport ke negara ini, penyakit itu boleh menjangkiti haiwan di Malaysia kerana ia disebarkan melalui nyamuk, falat dan kutu," katanya.

Menurut laporan media Thailand, lebih daripada 6,700 ekor lembu dan kerbau di 35 wilayah di negara itu terjejas selepas dijangkiti penyakit kulit berbonjol.

Ia penyakit berjangkit pada lembu dan kerbau yang disebabkan oleh virus dengan gejala seperti demam, kelenjar limfa membesar dan bintil berganda pada kulit serta membran mukus.

Penyakit tersebut memberi kesan teruk terhadap hasil pengeluaran ladang daging dan tenusu sekali gus membuat petani mengalami kerugian yang besar kerana menanggung kos pengurusan dan rawatan.

## Pembekal tempatan henti beli lembu dari Thailand



Harkki menunjukkan antara lembu yang dipelihara di ladang syarikatnya di Rantau Panjang.

**RANTAU PANJANG** - Syarikat Ladang Lembu Kelantan (HBA Farm) mengesahkan pihaknya sudah menghentikan import lembu dari Thailand susulan penularan penyakit kulit berbonjol di negara jiran itu.

Pengurusnya, Harkki Ahmed berkata, sejak penularan wabak berkenaan dikesan, kerajaan Thailand juga sudah menghentikan eksport lembu ke luar negara.

"Ketika ini kita bergantung sepenuhnya kepada bekalan lembu daripada penternak tempatan bagi memenuhi permintaan pasaran di negara ini," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Selasa.

Beliau bagaimanapun berkata, sebelum membeli lembu-lembu tempatan itu, pihaknya membuat pemeriksaan terlebih dahulu ke atas haiwan tersebut sebagai langkah keselamatan.

Menurutnya, sekiranya ada tanda-tanda jangkitan pada haiwan ternakan berkenaan, pihak syarikat tidak akan membuat pembelian.

"Setakat ini, tiada jangkitan penyakit itu dikesan ke atas lembu-lembu tempatan," jelas beliau.

Selain itu, Harkki berkata, pihaknya sentiasa membuat sanitasi secara berkala bagi memastikan ladang lembu dimiliki bebas daripada sebarang wabak penyakit.

"Ia termasuk memantau kenderaan yang keluar masuk ke kawasan ladang bagi memastikan semuanya bebas daripada sebarang wabak," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	26

## Petani mula pening dakwa sayur tak terjual

**BAGAN SERAI:** Petani mula pening apabila hasil pertanian khususnya sayur-sayuran di negeri ini tidak laku berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP secara menyeluruh).

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Razman Zakaria berkata, petani mula terkesan seawal hari pertama PKP 3.0 apabila lambakan seperti timun, cili, pisang dan jagung di ladang serta kebun kecil telah berlaku.

Menurut beliau, lambakan sayur berpunca daripada pemborong yang tidak berani mengambil bekalan berlebihan daripada petani kerana mendakwa dalam tempoh PKP tidak ramai pembeli.

“Kita memang terima aduan daripada petani bahawa hasil pertanian mereka tak dapat dijual malah harga seperti timun turun sehingga 30 sen sekilogram dan keadaan ini sangat membimbangkan.

“Situasi ini akan menyebabkan petani tidak mahu menanam, begitu juga yang lain seperti nelayan tidak turun ke laut sekali gus menyebabkan bekalan makanan berkurangan.

“Bagi petani yang terkesan, kita berharap mereka dapat segera menghubungi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan kita turut

bawa perkara ini ke peringkat negeri untuk menyelesaikannya agar pengusaha-pengusaha tanaman tidak terjejas teruk,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau sekuriti makanan dan pemantauan harga barang di Pasar Awam Bagan Serai di sini semalam.


Sementara itu, Razman berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengesan penularan penyakit kulit kental (LSD) yang menjangkiti ternakan lembu dan kerbau di negeri ini.

Menurutnya, satu lokasi telah dikenal pasti berlaku penularan penyakit berkenaan yang menjangkiti ternakan lembu di sebuah ladang ternakan di di Simpang Pulai.

Menurutnya, pihak JPV telah menjalankan pemantauan rapi selain memantau semua ladang ternakan yang terdapat di Perak.

“Ladang itu kini di bawah kawalan JPV, sudah pasti tiada sebarang pengeluaran daging dari kawasan itu bagaimana pun di tempat lain turut diadakan pemantauan terhadap jangkitan penyakit tersebut supaya lembu-lembu yang sakit ini tidak dijual di pasaran.

“Tindakan undang-undang boleh diambil kepada pengusaha tidak bertanggungjawab menjual daging lembu ini.



AIN IZZUDDIN menunjukkan sebahagian daripada tiga tan tembikai yang akan diberikan secara percuma kepada orang ramai di kampung Ibai, Pekan, Pahang semalam.

Kongsi rezeki dengan orang ramai

## Pekebun agih tembikai percuma

✦ Oleh NIK SUKRY RAMLI

**PEKAN** – Seorang pekebun di sini berkongsi rezeki dengan menawarkan kira-kira tiga tan tembikai jenis boci kepada orang ramai secara percuma setiap kali tumbuhan itu dituai di tanah seluas 1.6 hektar miliknya.

Ain Izzuddin Mohd. Ghazali, 26, berkata, tawaran itu dibuat sebagai tanda berkongsi rezeki dan dengan syarat orang ramai perlu datang sendiri mengambil buah tersebut tersebut di kebunnya di Kampung Ibai di sini.

"Mereka yang berhajat ingin makan tembikai secara percuma, datanglah ke kebun saya dan ambil sendiri, ada kira-kira tiga tan buah tembikai sedia untuk disedekahkan.

"Ambillah sebanyak mana selagi tidak membazir, tidak perlu bayar kerana saya bagi percuma, jadi siapa cepat dia dapat," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurut Ain Izzuddin dalam usahanya untuk mendapat kebertarikan dia akan mengagihkan buah tembikai setiap tahun yang

mana pada tahun lalu sebanyak dua tan tembikai telah diagihkan.

"Rezeki Allah, berikah kepada saya perlu dikongsi dengan orang lain, terutama dalam keadaan sekarang ditambah pula pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh yang sudah pasti mengakibatkan ramai yang tertekan.

"Lagipun buah tembikai yang sudah masak tidak boleh disimpan lama, jadi daripada dibiarakan rosak, lebih baik saya sedekahkan kepada yang berminat," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/6/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	14

## Tingkat penggunaan teknologi dalam industri pertanian

**SHAH ALAM** - Usaha bagi memastikan jaminan keselamatan makanan negara perlu dilakukan dengan cara meningkatkan lagi penggunaan teknologi revolusi industri 4.0 (IR 4.0) dalam amalan industri pertanian dan makanan.

Pengerusi Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Datuk Dr Rais Husin Mohamed Ariff berkata, penggunaan teknologi terkini perlu dijadikan sebagai agenda utama dalam usaha mencapai matlamat tersebut.

Menurutnya, percubaan yang dilakukan oleh MDEC dalam menerapkan penggunaan teknologi pertanian dalam industri pertanian negara menunjukkan terdapat banyak ruang yang boleh ditingkatkan dalam aspek teknologi.

"Hasil daripada projek perintis Digital Agtech MDEC telah memperlihatkan



RAIS

daya maju teknologi digital dan automasi dalam pertanian. Bagaimanapun, masih ada ruang untuk peningkatan teknologi.

"Kita dapat melepasi versi 'agri-tech Industry 4.0' dan memasuki 'agtech' yang juga dicadangkan di bawah Malaysia 5.0 yang diilhamkan berdasarkan 'Society 5.0' negara Jepun.

"Visi Malaysia 5.0 adalah untuk mewujudkan masyarakat yang saringan bersepadu dengan teknologi, ditadbir oleh prinsip dan amalan 'eco-vironmental' yang inklusif dan adil," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Rais menambah, dalam masa terdekat, beberapa teknologi terkini seperti platform teknologi kewangan dan pasar yang berasaskan *blockchain* juga perlu dipertimbangkan kerana ia dilihat dapat memberikan margin keuntungan yang lebih


tinggi kepada petani kecil dengan cara meminimumkan peranan orang tengah.

Beliau berkata, teknologi serupa juga perlu digunakan bagi tanaman lain di Malaysia terutamanya padi yang merupakan hasil makanan utama rakyat Malaysia.

Mengulas lanjut, Rais berkata, usaha MDEC menggunakan teknologi pertanian IR 4.0 melibatkan pelbagai aktiviti pertanian pintar seperti fertigasi, penyemburan halus secara kabus, akuakultur, penternakan ayam, pengairan dan peman-tauan tanah juga terbukti menghasilkan kejayaan yang baik.

"MDEC melihat bagaimana teknologi pertanian telah meningkatkan produktiviti, kualiti dan pendapatan petani kecil lebih dari 20 peratus.

"Sebilangan besar petani menikmati pendapatan yang lebih tinggi dan berjaya membawa hasil mereka ke pasaran," ujarnya.





TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Penggunaan teknologi IR 4.0 dalam industri pertanian perlu dipertingkatkan



SHAH ALAM - Usaha untuk memastikan jaminan keselamatan makanan negara perlu dilakukan dengan cara meningkatkan lagi penggunaan teknologi revolusi industri 4.0 (IR 4.0) dalam amalan industri pertanian dan makanan.

Pengerusi Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Datuk Dr Rais Hussin Mohamed Ariff berkata,

penggunaan teknologi terkini perlu dijadikan sebagai agenda utama dalam usaha mencapai matlamat tersebut.

Menurutnya, percubaan yang dilakukan oleh MDEC dalam menerapkan penggunaan teknologi pertanian 4IR dalam industri pertanian negara menunjukkan bahawa terdapat banyak ruang yang boleh ditingkatkan dalam aspek teknologi.

“Hasil dari projek perintis Digital Agtech MDEC telah memperlihatkan daya maju teknologi digital dan automasi dalam pertanian. Walau bagaimanapun, masih ada ruang untuk peningkatan teknologi.

“Kita dapat melepasi versi ‘agri-tech Industry 4.0’ dan memasuki ‘agtech’ yang juga dicadangkan di bawah Malaysia 5.0 yang diilhamkan berdasarkan ‘Society 5.0’ negara Jepun.

“Visi Malaysia 5.0 adalah untuk mewujudkan masyarakat yang sangat bersepadu dengan teknologi, ditadbir oleh prinsip dan amalan ‘eco-vironmental’ yang inklusif dan adil,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Rais menambah, dalam masa terdekat, beberapa teknologi terkini seperti platform teknologi kewangan dan pasar yang berasaskan ‘blockchain’ juga perlu dipertimbangkan kerana ia dilihat dapat memberikan margin keuntungan yang lebih tinggi kepada petani kecil dengan cara meminimumkan peranan orang tengah.

Sehubungan itu, Rais berkata, teknologi serupa juga perlu digunakan bagi tanaman lain di Malaysia terutamanya padi yang merupakan pertanian yang menghasilkan makanan utama rakyat Malaysia.

Mengulas lanjut, Rais berkata, usaha MDEC menggunakan teknologi pertanian 4IR melibatkan pelbagai aktiviti pertanian pintar seperti fertigasi, penyemburan halus secara kabus, akuakultur, perternakan ayam, pengairan dan pemantauan tanah juga terbukti menghasilkan kejayaan yang baik.

“MDEC melihat bagaimana teknologi pertanian telah meningkatkan produktiviti, kualiti dan pendapatan petani kecil lebih dari 20 peratus. Sebilangan besar petani menikmati pendapatan yang lebih tinggi dan berjaya membawa hasil mereka ke pasaran,” ujarnya.